

Penumpang bas terpelanting keluar

B/H 29/7/2011 MS 7-

4 maut treler bawa gula masuk laluan bertentangan lebuh raya

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Yahya Awang
bhnews@bharian.com.my

BAGAN SERAI: Konstabel Abdul Shahreer Abu Hasan, 23, dan bayinya, Mohamad Fariz Daniel, lapan bulan yang terbunuh bersama dua lagi dalam kemalangan ngeri di Kilometer 201.5, Lebuh-Raya Utara Selatan dekat sini, awal pagi semalam, terpelanting keluar sebaik bas ekspres dinaiki dirempuh sebuah treler.

Dalam kejadian jam 12.25 pagi berhampiran Plaza Tol Bukit Merah, Abdul Shahreer dari Kampung Teluk Belanga, Batu 19 1/4 Jalan Kuala Nerang, Kedah dan bertugas di Batalion 5, Simpang Renggam, mati di tempat kejadian, manakala Mohamad Fariz Daniel dalam ribaan ibunya, Fauziah Md Mokhtar, 24, meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke Hospital Taiping (HT).

Difahamkan, ketika kejadian pasangan itu baru berkahwin tiga tahun dalam perjalanan pulang dari

Perlis ke Johor, untuk menyambut Ramadan bersama selepas Fauziah dan bayi tunggal mereka tinggal di di Kampung Padang Setol, juga di Kuala Nerang, sejak sebulan lalu.

Dua lagi yang terbunuh dalam kemalangan itu ialah pemandu treler, A Yogeswara Rao, 25, dan kelindannya, K Supramaniam, 30. Kedua-duanya berasal dari Kulim, Kedah.

Kemalangan itu turut menyebabkan lima penumpang bas ekspres cedera, termasuk dua parah manakala 25 lagi cedera ringan. Dua yang parah dan dirawat di Unit Rawatan Rapi HT adalah Fauziah dan pemandu bas ekspres, Muhd Azizi Abdul Rahman, 30-an.

Tiga penumpang dimasukkan ke wad hospital sama ialah anggota tentera dari Kem Bukit Kayu Hitam, Jebat Abdul Samarudin, 22, dan dua lagi dikenali sebagai Jasmani, 41, dan Hadiyantu, 46.

Ketua Polis Daerah Kerian, Superintendan Mat Fauzi Nayan, berkata nahas itu berlaku apabila pemandu treler membawa gula dari



KEADAAN bas ekspres remuk selepas dirempuh treler membawa gula yang terbabas dari arah bertentangan di KM 201.5 Lebuh-Raya Utara Selatan berhampiran susur keluar Kamunting, awal pagi semalam.

Shah Alam ke Butterworth, dipercayai hilang kawalan lalu melanggar pembahagi jalan sebelum memasuki laluan bertentangan dan bertembung dengan bas ekspres.

“Perlanggaran itu menyebabkan Abdul Shahreer dan bayinya tercampak keluar sejauh 10 meter dan jatuh ke kawasan rumput di tepi lebuh raya. Tubuh Yogeswara Rao

pula putus dua, manakala Supramaniam dikatakan sedang tidur di sebelahnya tersepit dan terbunuh,” katanya di Ibu Pejabat Polis Daerah Kerian di sini, semalam.